

Headline	Atasi ketirisan pungut cukai		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Oct 2012	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Nasional	Color	Black/white
Page No	8	ArticleSize	208 cm ²
AdValue	RM 3,634	PR Value	RM 10,902



Atasi ketirisan pungut cukai

» Kerajaan perlu pastikan usaha capai negara maju 2020 tak terbantut

Oleh Haspaizi Mohd Zain
haspaizi@bharian.com.my

■ Kuala Lumpur

Kerajaan perlu mengatasi masalah ketirisan pungutan cukai bagi memastikan perancangan untuk menjadi Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020 tidak terbantut.

Dekan Pusat Pengajian Perakaunan Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Kamil Md Idris, berkata bagi mencapai status negara maju, sesebuah negara perlu menyediakan belanjawan atau bajet sekurang-kurangnya RM700 bilion setahun.

Beliau berkata, peruntukan sebanyak RM251.6 bilion dalam Bajet 2013 yang dibentangkan Jumaat lalu tidak memadai untuk dibelanjakan bagi membangunkan negara terutama dalam meningkatkan lagi mutu perkhidmatan pengangkutan awam.

“Memang orang ramai tidak sukakan cukai tetapi bagi

saya kita perlu melaksanakan cukai barangan dan perkhidmatan (GST). Hari ini kalau kita lihat kerajaan hanya membelanjakan apa yang ada saja.

Kena berbelanja

“Kita kena berbelanja untuk meningkatkan taraf pengangkutan awam supaya lebih cekap, mahu tidak mahu kita perlu melakukannya kerana hari ini penduduk semakin bertambah dan pengangkutan awam amat diperlukan.

“Tidak ada gunanya jika harga kereta diturunkan tetapi kita tidak mampu menyediakan kemudahan asas seperti jalan yang selesa, malah secara perkapita jumlah kereta di negara kita sebenarnya adalah tinggi,” katanya pada sesi Wacana Majlis Profesor Negara (MPN) Pasca Bajet 2013: Men-

transformasi Negara.

Ketua Pengarang Kumpulan BH, Datuk Mior Kamarul Shahid bertindak selaku moderator pada sesi wacana berkenaan.

Kamil berkata, pelaksanaan GST mampu menyumbang kepada pembangunan negara yang secara langsung atau manfaat daripada kutipan cukai itu disalurkan kembali kepada rakyat untuk dinikmati.

Tumpu kumpulan minoriti

Sementara itu, Dr Sarjit Singh Gill dari Universiti Putra Malaysia (UPM) berpendapat kerajaan perlu memberi tumpuan kepada kumpulan minoriti di negara ini supaya Bajet 2013 dapat dinikmati bersama golongan berkenaan

Katanya, peruntukan yang disalurkan kepada kumpulan berkenaan tidak boleh hanya tertumpu kepada aspek pembangunan fizikal, sebaliknya perlu diberi tumpuan kepada bidang pendidikan.

“Golongan minoriti di negara ini memerlukan *big brother* seperti orang Melayu ada UMNO, Cina dengan MCA dan India ada MIC. Pembangkang tidak ‘berminat’ kepada kumpulan minoriti. Mereka lebih memberi tumpuan kepada masyarakat Melayu, Cina dan India.

“Kumpulan ini masih lagi bersama Barisan Nasional (BN). Oleh itu, saya rasakan bahawa kerajaan perlu mewujudkan Jabatan Kemajuan Minoriti yang diletakkan dibawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi membantu ataupun memantau kumpulan ini,” katanya.